

WAR 25 AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN: TINJAUAN DI PAHANG

**Aza Shahnaz Azman, NurNaddia Nordin, Norzalina Zainudin, Teh Suhaila Tajudin,
Mohd Rozaini Jumali, Muhammad Asyraf Farhan Saharil**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS
Selangor, Malaysia &
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, MUIP
Pahang, Malaysia

naddia@kuis.edu.my, norzalina@kuis.edu.my, azashahnaz@kuis.edu.my,
tehsuhaila@kuis.edu.my, rozaini@muip.gov.my, asyraf@muip.gov.my

ABSTRAK

Pendidikan adalah faktor penting yang mendorong untuk mencapai kualiti dalam kehidupan. Dalam usaha mencapai pendidikan yang berkualiti, kewangan adalah salah satu faktor yang mempengaruhi dan menyumbang kepada kejayaan dalam pendidikan. Bagi golongan yang kurang berkemampuan, bantuan kewangan seperti zakat, biasiswa, wakaf, derma adalah sangat diperlukan untuk memenuhi keperluan pendidikan. Jesteru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana manfaat zakat pendidikan dapat membantu pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara campuran iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif iaitu dengan mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Manakala kaedah analisis data adalah menggunakan kaedah induktif. Kajian ini melibatkan 262 responden yang dipilih dikalangan pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi di negeri Pahang. Hasil kajian mendapati bahawa zakat pendidikan yang diagihkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) adalah sangat penting bagi meringankan beban pelajar dalam perbelanjaan pendidikan. Di samping itu juga, kajian ini mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh diambil oleh MUIP dalam usaha pengagihan zakat pendidikan di Pahang.

Kata kunci: Zakat, Pendidikan, E-dermasiswa, Fisabilillah, Pahang.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan dan kepentingan pendidikan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak. Namun, kos pendidikan yang semakin meningkat disebabkan oleh faktor ekonomi telah menyebabkan ramai yang tidak dapat memenuhi keperluan ini. Kerajaan, badan-badan berkanun dan juga syarikat swasta telah mengambil inisiatif dengan menyediakan bantuan kewangan dan juga tajaan kepada pelajar-pelajar seperti pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN), pinjaman dan tajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), tajaan daripada pihak bank dan sebagainya. Selain daripada itu bagi umat islam, kerajaan negeri ada menyediakan bantuan pendidikan yang dikenali sebagai bantuan zakat pendidikan. Bantuan zakat ini diuruskan oleh pusat zakat yang ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (SIRC's). Terdapat 14 SIRC's di seluruh Malaysia yang menguruskan harta dan kewangan Islam termasuklah urusan kutipan dan agihan zakat. Setiap negeri telah memperuntukan sejumlah dana kepada zakat pendidikan untuk diagihkan kepada golongan asnaf.

Kaedah kutipan dan agihan zakat yang biasa digunakan adalah melalui kaunter-kaunter di pusat zakat. Namun, selari dengan teknologi terkini terdapat pusat zakat yang telah mengambil inisiatif dengan mengaplikasi teknologi dalam sistem agihan zakat mereka. Antaranya adalah Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Pahang (MUIP) yang telah mengaplikasi teknologi dalam urusan agihan zakat bagi zakat pendidikan. Sistem permohonan zakat pendidikan secara atas talian ini dikenali sebagai sistem e-dermasiswa yang telah dibangunkan pada tahun 2009. Inovasi yang diperkenalkan oleh MUIP ini telah menunjukkan peningkatan dalam permohonan zakat pendidikan di Pahang. Jadual 1 menunjukkan bilangan permohonan zakat pendidikan di Pahang dari tahun 2009 sehingga 2014. Peningkatan jumlah permohonan pada tahun 2014 adalah 20 kali ganda berbanding pada tahun 2009. Ini jelas menunjukkan inovasi yang diperkenalkan oleh MUIP dalam permohonan zakat pendidikan melalui sistem e-dermasiswa dapat membantu pemohon membuat permohonan dengan lebih mudah dan cepat.

Jadual 1: Permohonan zakat pendidikan di Pahang.

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Jumlah permohonan	553	2,152	3,137	5,213	8,207	11,210

Sumber: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Pahang (MUIP).

1.1 Permasalahan Kajian

Penyelidikan ini dilakukan untuk melihat sejauh mana manfaat zakat pendidikan yang diagihkan kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. Zakat pendidikan yang diagihkan adalah dalam bentuk tunai yang diberikan terus kepada pelajar. Namun sejauh mana pelajar tersebut menggunakan bantuan zakat ini kearah perbelanjaan pendidikan tidak dapat diketahui. Oleh itu, kajian untuk melihat manfaat bantuan zakat pendidikan perlu dilakukan supaya pihak yang menguruskan agihan zakat pendidikan ini dapat melihat adakah pemberian tunai kepada pelajar boleh diteruskan ataupun pihak lembaga zakat perlu mengkaji alternatif lain seperti baucer buku, baucer pembelian laptop, kad diskaun pelajar supaya bantuan zakat pendidikan yang diberikan tidak disalah guna oleh pelajar. Persoalan utama kajian ini adalah adakah pelajar-pelajar yang menerima bantuan zakat pendidikan ini memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang diterima kepada pendidikan atau sebaliknya. Untuk menjawab persoalan kajian ini, objektif kajian adalah untuk menilai manfaat zakat pendidikan yang diterima kearah pendidikan.

1.2 Kepentingan kajian

Kajian ini perlu dilaksanakan untuk menilai manfaat bantuan zakat pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar di kalangan golongan asnaf. Kepentingan kajian ini boleh membantu pihak lembaga zakat dalam membuat penialaian cara yang terbaik untuk menyalurkan bantuan zakat pendidikan kepada pelajar. Hasil kajian ini akan menentukan samaada cara agihan zakat pendidikan yang diberikan adalah sesuai dan tidak disalahguna oleh para pelajar. Dengan adanya bantuan zakat pendidikan yang diberikan dapat meningkat bilangan pelajar dari golongan asnaf untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

1.3 Definisi terma

1.3.1 Pendidikan

Imam Al-Ghazali

“Pendidikan haruslah berpaksikan kepada tujuan keagamaan dan akhlak yang mana penekanan yang paling utama adalah perolehan keutamaan dan taqarrub kepada

Allah dan bukan untuk mencari kedudukan yang tinggi atau mendapatkan kemegahan dunia”.

1.3.2 Agihan Zakat

Menyampaikan bantuan zakat kepada pihak yang berhak. Terdapat lapan golongan yang berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, ibn sabil dan fisabilillah.

Surah Al-Taubah; 10

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”

1.3.4 Fisabilillah

Istilah fisabilillah didefinasi sebagai “pada jalan Allah”. Oleh itu setiap perkara yang dilakukan untuk membela agama Allah, sebagai contoh mengembangkan agama Allah, mempertahankan agama Allah, mempromosikan syariat dan syiar Islam dan membela nasib umat Islam adalah dikategorikan sebagai fisabilillah.

1.3.5 Bantuan Kewangan pengajian

Bantuan kewangan seperti pinjaman pendidikan dan tajaan atau biasiswa pengajian yang diberikan oleh kerajaan, badan berkanun dan juga pihak swasta kepada pelajar di semua peringkat pengajian. Sebagai contoh pinjaman daripada tabung pengajian tinggi Negara (PTPTN), tajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bank, sumbangan Zakat, Wakaf, derma dan sebagainya

2.0 ULASAN KARYA

Bantuan kewangan kepada pendidikan oleh Majlis Agama Islam negeri yang dikelolakan oleh pusat zakat adalah bersifat fisabilillah. Bantuan dermasiswa yang diberikan boleh membantu pelajar di kalangan golongan asnaf untuk meneruskan pengajian. Disebabkan oleh kos pengajian yang tinggi pada masa kini, pelajar yang tidak mampu untuk meneruskan pengajian akan merugikan negara, ini kerana mengikut Barro and Lee (1994) and Klenow and Rodriguez (1997), pelajar adalah salah satu pengukur kepada sumber manusia. Lau et al. (1993), kajian di Brazil menyatakan pendidikan sebagai pengukur kepada sumber manusia dan mendapati ia telah mendorong dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu juga McMohan (1998), mendapati pembangunan sumber manusia daripada pendidikan adalah faktor penting kepada pertumbuhan ekonomi dan ia disokong oleh Rahmah (1998). Selain itu juga, kajian daripada Asteriou and Agiomigianakis (2001), Petrakis and Stamatakis (2002), Lin (2003), Self and Grabowski (2004) dan Godoy et al. (2005) yang juga menyokong kepentingan pendidikan dalam membentuk sumber manusia yang mahir untuk pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Oleh itu, pendidikan adalah faktor penting untuk melahirkan tenaga manusia yang mahir dimana ia disokong oleh Lane (2003), rakyat yang berpendidikan adalah aset yang penting kepada pembangunan ekonomi negara. Menyederi kesan langsung pendidikan kepada ekonomi negara, Choy (1997) dan Urban (1995), melihat bantuan kewangan adalah salah satu faktor yang boleh membantu pelajar untuk melanjutkan pengajian. Mengikuti kajian daripada Siti Alida dan Fatimah Wati (1997) yang menyatakan kepentingan pengajian di peringkat pengajian tinggi adalah sebagai tututan ekonomi, politik, sosial dan peribadi yang mana salah satu faktor yang mendorong untuk pelajar melanjutkan pelajaran adalah pembiayaan kepada pendidikan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada agihan zakat pendidikan di negeri Pahang, dimana 80 peratus responden kajian ini adalah pelajar dari Kolej Islam Sultan Ahmad Syah (KIPSAS) dan 20 peratus lagi adalah responden daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP), Politeknik Sultan Ahmad Syah (POLISAS) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC). Pahang dipilih sebagai tempat kajian berdasarkan statistik permohonan bantuan zakat pendidikan yang meningkat secara mendadak selepas MUIP memperkenalkan inovasi dalam agihan zakat pendidikan dan KIPSAS, UMP, POLISAS dan PSDC dipilih kerana agihan zakat pendidikan oleh MUIP hanya diberikan kepada pelajar yang berasal dari negeri Pahang sahaja dan KIPSAS dipilih sebagai sampel utama kerana KIPSAS adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang 90 peratus daripada jumlah pelajar adalah berasal dari negeri Pahang.

3.2 Sampel Kajian

Sampel kajian adalah sebanyak 262 pelajar yang dipilih dikalangan pelajar KIPSAS, UMP, POLISAS dan PSDC. Responden yang terpilih terdiri daripada pelajar semester 1 sehingga semester 6 yang mengambil pelbagai jurusan pengajian di institusi pengajian tinggi yang dipilih.

3.3 Instrumen Kaedah dan Penganalisan data

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah campuran dimana kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan juga kuantitatif. Kaedah kualitatif diaplikasikan untuk mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan dan kaedah kuantitatif adalah dengan menggunakan soal selidik. Manakala kaedah analisis data adalah menggunakan kaedah induktif. Keputusan atau hasil daripada soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 20.0.

4.0 PENEMUAN KAJIAN

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 262 pelajar daripada institusi pengajian tinggi yang terpilih di Pahang iaitu KIPSAS, UMP, POLISAS dan PSDC. Dapatan kajian menunjukkan seramai 152 orang responden adalah daripada kawasan bandar iaitu sebanyak 58 peratus dan 42 peratus lagi adalah responden yang berasal dari luar bandar iaitu seramai 110 orang. Daripada jumlah ini, bilangan dan peratusan responden mengikut daerah boleh dilihat seperti dalam Jadual 3.

Jadual 2: Analisis deskripsi kawasan

Kawasan	Frekuensi	Peratusan
Bandar	152	58
Luar Bandar	110	42
Jumlah	262	100

Jadual 3: Analisis deskripsi daerah

Daerah	Frekuensi	Peratusan
Balok	1	0.4
Bentong	4	1.5
Bera	3	1.1
Cehonor	2	0.4
Felda Ulu Jempol	1	0.8
Jengka	17	6.5
Jerantut	37	14.1
Kuala Lipis	1	0.4
Keratong	1	0.4
Kuantan	110	42
Maran	8	3.1
Mentakab	5	1.2
Muazam	3	1.5
Pekan	15	5.7
Raub	4	1.5
Rompin	5	1.9
Temerloh	15	5.8
Lain-lain	25	9.5
Jumlah	262	100

Seramai 207 orang responden adalah daripada kalangan mahasiswa perempuan iaitu sebanyak 79 peratus dan 55 orang responden terdiri daripada mahasiswa lelaki iaitu 21 peratus. Jadual 5 menunjukkan bilangan responden yang terlibat mengikut semester pengajian. Responden yang paling ramai terlibat adalah mahasiswa daripada tahun ke dua pengajian iaitu seramai 117 orang sebanyak 44.7 peratus, responden daripada tahun satu pengajian adalah seramai 81 orang (30.9 peratus) dan responden yang berada pada tahun akhir pengajian adalah seramai 55 orang (21 peratus). Antara bidang pengajian responden yang dipilih adalah sains sosial, teknologi maklumat, pendidikan, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain. Analisis responden mengikut bidang pengajian dapat dilihat seperti Jadual 6.

Jadual 4: Analisis deskripsi jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	55	21
Perempuan	207	79
Jumlah	262	100

Jadual 5: Analisis deskripsi tahun pengajian

Tahun Pengajian	Frekuensi	Peratusan
Tahun 1	81	30.9
Tahun 2	117	44.7
Tahun 3	55	21.0
Lain-lain	9	3.4

Jumlah	262	100
--------	-----	-----

Jadual 6: Analisis deskripsi bidang pengajian

Bidang Pengajian	Frekuensi	Peratusan
Sains Sosial	8	3.1
Teknologi Maklumat	8	3.1
Pendidikan	77	29.4
Kejuruteraan	1	0.4
Perubatan	4	1.5
Lain-lain	164	62.5
Jumlah	262	100

Selain daripada bantuan zakat pendidikan yang diterima oleh responden, responden juga ada menerima bantuan kewangan pendidikan yang lain. Antaranya adalah pinjaman daripada Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), pinjaman dan tajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), bantuan daripada yayasan negeri, tajaan daripada bank dan lain-lain. Analisis menunjukkan seramai 195 responden daripada 262 responden iaitu 74.4 peratus adalah menerima pinjaman daripada PTPTN. Namun, dapatan kajian melalui temu bual bersama responden mendapati pinjaman yang diberikan oleh PTPTN adalah terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk perbelanjaan pendidikan. Selain daripada itu seramai 20 mendapat pinjaman dan tajaan daripada MARA, 36 orang mendapat bantuan daripada yayasan negeri, 1 orang responden mendapat tajaan daripada pihak bank dan 10 orang responden daripada lain-lain bantuan kewangan pendidikan

Jadual 7: Analisis deskripsi bantuan kewangan pendidikan

Bantuan Kewangan	Frekuensi	Peratusan
PTPTN	195	74.4
MARA	20	7.6
Yayasan negeri	36	13.7
Bank	1	0.4
Lain-lain	10	3.8
Jumlah	262	100

Bagi menjawab persoalan dan objektif utama kajian ini, analisis statistik keatas kegunaan zakat pendidikan dibuat. Jadual 8 menunjukkan hasil dapatan kajian dimana, kajian ini mengklasifikasikan kegunaan kepada beberapa katogeri; iaitu keperluan pengajian, keperluan asas, keperluan harian dan lain-lain. Dimana item-item bagi katogeri keperluan pengajian adalah yuran pengajian, buku teks, laptop; bagi katogeri keperluan asas adalah perbelanjaan untuk makanan; dan bagi katogeri keperluan harian adalah seperti majalah, alat sukan, telefon, top up dan tambang teksi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 78.2 peratus iaitu seramai 205 responden yang menerima zakat pendidikan membelanjakan wang zakat yang diterima untuk tujuan pengajian, 17.6 peratus iaitu seramai 46 orang responden menggunakan bantuan zakat yang diterima untuk memenuhi keperluan asas dan 1.1 peratus isitu 3 orang responden membelanjakan kepada keperluan harian. Selebihnya seramai 8 orang iaitu 3.1 peratus menggunakan bantuan zakat yang diterima untuk kegunaan lain-lain. Jesteru itu, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa matlamat institusi zakat untuk memantu pelajar yang kurang berkemampuan adalah tercapai berdasarkan statistik yang diperolehi hampir 80 peratus responden membelanjakan bantuan zakat yang kepada keperluan pengajian.

Jadual 8: Kegunaan Zakat Pendidikan

Kegunaan	Frekuensi	Peratusan
Keperluan Pengajian	205	78.2
Keperluan asas	46	17.6
Keperluan harian	3	1.1
Lain-lain	8	3.1
Jumlah	262	100

Kajian ini juga mendapati, prestasi keseluruhan perkhidmatan bagi Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Pahang (MUIP) adalah memuaskan. Jadual 9 menunjukkan statistik prestasi perkhidmatan MUIP secara keseluruhan dan seramai 181 responden iaitu 69.1 peratus menyatakan prestasi perkhidmatan MUIP adalah memuaskan dan 46 responden menyatakan prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh MUIP adalah sangat memuaskan.

Jadual 9: Analisis prestasi perkhidmatan

Kawasan	Frekuensi	Peratusan
Sangat tidak memuaskan	2	0.08
Tidak memuaskan	2	0.08
Sederhana	31	11.8
Memuaskan	181	69.1
Sangat memuaskan	46	17.6
Jumlah	262	100

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa matlamat agihan zakat pendidikan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Pahang untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan atau golongan asnaf untuk belajar adalah tercapai.

5.0 RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, institusi zakat adalah salah satu institusi yang penting untuk membantu golongan asnaf. Bantuan zakat yang diberikan dilihat dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya bantuan zakat yang diberikan adalah bantuan kepada pendidikan. Dimana pendidikan adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kualiti hidup masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa matlamat agihan zakat pendidikan yang diberikan oleh pihak MUIP kepada pelajar-pelajar tercapai. Ini dapat dilihat daripada dapatan kajian yang menunjukkan hampir 80 peratus daripada responden kajian yang menerima zakat pendidikan membelanjakan bantuan yang diterima untuk tujuan pendidikan.

PENGHARGAAN

Dana Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK-II), Pusat Kecemerlangan Zakat (MIMTAZ), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

RUJUKAN

Asteriou, D. & Agiomirgianakis, G.M. (2001). Human Capital And Economic Growth Time Series Evidence From Greece. *Journal of Policy Modelling* 23: 481-489.

Barro, R. J., & Lee, J. W. (1994). Sources of economic growth. In *Carnegie-Rochester conference series on public policy* (Vol. 40, pp. 1-46). North-Holland.

Choy, S. (1997). Early labor force experiences and debt burden. Paper presented at the National Symposium on Student loan debt: Problems and prospects, Washington, DC.

Godoy, R., Karlan, D.S., Rabindran, S & Huanca, T. (2005). Do Modern Form of Human Capital Matter In Primitive Economies? Comparative Evidence From Bolivia. *Economics of Education Review* 24, 45 – 53.

Klenow, P., & Rodriguez-Clare, A. (1997). The neoclassical revival in growth economics: Has it gone too far? In *NBER Macroeconomics Annual 1997, Volume 12* (pp. 73-114). MIT Press.

Lane, K. (2003). How much is too much? *Community College Week*, 15, 6-9.

Lau, L.J., Jamison, D.T., Liu, S-c., Rivkin, S. (1993). Education and Economic Growth Some Cross-Sectional Evidence From Brazil. *Journal of Development Economics* 41: 316- 320.

Lin, T. C. (2003). Education, Technical Progress, And Economic Growth: The Case Of Taiwan. *Economic of Education Review* 22 : 213-220.

McMahon, W. W. (1997). Education And Growth In East Asia. *Economics of Education Review* 17 :159-172.

Petrakis, P.E & Stamatakis, D. (2002). Growth And Educational Levels: A Comparative Studies. *Economic s of Education Review* 21: 513-521.

Rahmah Ismail .(1998). Sumbangan Pendidikan Kepada Pertumbuhan Ekonomi Malaysia, 1970-1996. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 32: 3-20.

Self, S., & Grabowski, R. (2004). Does Education At All Levels Cause Growth? India, A Case Study. *Economics of Education Review* 23 : 47-55.

Siti Alida Abdullah & Fatimah Wati Ibrahim. (2007). Memenuhi keperluan pelajar di universiti awam Malaysia: Aspek pendapatan dan perbelanjaan. *REKAYASA—Journal of Ethics, Legal and Governance*, 3, 50-60.

Urban, J. (1995). Our college graduates are burdened with too much debt. *Executive Report*, 13, 3.